



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**25 OKTOBER 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : PEMECATAN KETUA KESATUAN WARTAWAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	25 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Utusan menang kes pecat ketua kesatuan wartawan	<b>MAHKAMAH PERUSAHAAN</b> <b>JPM</b> <b>NUJ</b>

### AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

#### Utusan menang kes pecat ketua kesatuan wartawan

Setelah proses mahkamah yang panjang kira-kira lapan tahun, keputusan mahkamah tidak memihak kepada bekas pengerusi Kesatuan Kebangsaan Wartawan (NUJ) cawangan Utusan Melayu Amran Ahmad. Amran hari ini dilaporkan gagal dalam tuntutan di Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur yang mendakwa dia dibuang kerja secara salah oleh syarikat itu pada 2009 selepas mengadakan transaksi syarikat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi mahkamah itu Siti Salwa Musa memutuskan Amran bersalah memfitnah pihak pengurusan dan syarikat UMMB terhadap tiga pertuduhan melibatkan penerbitan tiga artikel di *Malaysiakini* dan *Harakahdaily*. Artikel-artikel itu merujuk kepada isu tiang gol yang didakwa terlalu mahal serta pengubahsuaian pejabat cawangan Utusan Melayu Pulau Pinang. "Setelah mempertimbangkan dan menilaikan keseluruhan keterangan, mahkamah mendapati bahawa pihak syarikat telah berjaya membuktikan atas imbalan kebarangkalian salah laku pihak yang menuntut (Amran) seperti dalam ketiga-tiga pertuduhan," kata Siti Halwa seperti dilaporkan *Utusan Malaysia*.

Menurut penghakiman bertarikh 20 Oktober lalu, Siti Salwa dilapor bersetuju dengan hujah peguam S Rutheran dan Yeoh Wan Xin yang mewakili Utusan Melayu bahawa Amran melakukan salah laku serius kerana membuat kenyataan tidak benar dan mencemarkan imej syarikat. Amran yang mula bekerja dengan Utusan pada 1 Julai 2001, mengadu kes pembuangan kerjanya pada 3 September 2009 ke Jabatan Perhubungan Manusia. Pada 20 September tahun sama, Menteri Sumber Manusia merujuk kes itu ke Mahkamah Perusahaan. Dalam penghakimannya, Siti Salwa berkata, mahkamah mendapati kos pembinaan tiang gol dan jaring penghadang tiang gol di padang bola yang sebenar adalah berjumlah RM48,058.29, bukan RM160,000 atau RM180,000 seperti yang didakwa oleh Amran.

Jelas beliau, Amran terkeliru dengan terminologi "*cantilever steel support*" dan "*goal post fencing*" yang digunakan dan membuat kesimpulan salah. Oleh itu, katanya, kenyataannya berhubung kos pembinaan tiang gol dan jaring penghadang tiang gol bukan sahaja salah daripada segi fakta tetapi juga mengelirukan. Selain itu, kata Siti Salwa, mahkamah menerima keterangan saksi-saksi syarikat dan mendapati perbelanjaan syarikat bagi kerja-kerja pengubahsuaian pejabat dilakukan dengan telus apabila tawaran dibuat secara terbuka. "Dokumen-dokumen dikemukakan pihak syarikat menunjukkan bahawa kerja-kerja yang dilakukan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan iaitu kos bukan sahaja meliputi kerja-kerja pengubahsuaian di pejabat baharu cawangan malahan merangkumi kerja-kerja perpindahan dari pejabat lama melibatkan perabot, fail, rekod, komputer dan kos penanggalan mesin pendingin hawa dan kos pemasangannya semula di pejabat baharu," beliau dilapor sebagai berkata.

Sementara itu, Amran dalam kenyataannya hari ini berkata beliau akur dengan keputusan itu tetapi tetap menegaskan pemecatannya adalah tidak adil. Saya hormati, akur dengan keputusan Mahkamah Perusahaan yang telah memberi keputusan penghakiman yang tidak memihak kepada saya. "Namun, saya tetap percaya dan berdiri teguh atas pendirian saya bahawa pembuangan kerja pada tahun 2009 adalah tidak adil," katanya. Beliau juga berkata saya akan berunding dengan pihak NUJ dan peguam NUJ untuk memutuskan langkah seterusnya. "Pada masa yang sama, keputusan Mahkamah Perusahaan ini tidak akan melemahkan semangat saya untuk terus berjuang ke arah kebebasan media yang lebih adil di negara ini," katanya.

## ISU : PERTIKAIAN CALON PILIHAN RAYA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	25 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>SINAR HARIAN</b> Usah pertikai calon siapa boleh menang	<b>MENTERI KSM</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Usah pertikai calon siapa boleh menang

**KUCHING** - Presiden Parti Rakyat Bersatu (UPP) Datuk Seri Wong Soon Koh menggesa pemimpin dan penyokong Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) menyerahkan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional menentukan calon untuk pilihan raya Parlimen akan datang.

“Jangan kita bergaduh calon siapa merupakan calon boleh menang. Serahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk membuat keputusan muktamad,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan GDex e-Commerce Hub and Linehaul di Jalan Batu Kitang, dekat sini, hari ini.

Soon Koh yang juga Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan e-Perdagangan Sarawak turut mengesahkan parti itu telah mengemukakan senarai calon untuk pilihan raya Parlimen akan datang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg untuk dipertimbangkan.

“Kami percaya calon-calon kami ialah calon boleh menang dan kami berharap mereka akan diiktiraf dan dipertimbangkan,” katanya tetapi enggan memberitahu jumlah kerusi yang disasarkan UPP dan jumlah calon dalam senarai itu.

Status UPP adalah unik kerana ia bukan sebahagian daripada parti komponen BN tetapi pemimpinnya memegang jawatan penting dalam Kabinet negeri dan dalam kerajaan tempatan. Ia merupakan parti serpihan SUPP dan dalam pilihan raya negeri pada tahun lepas, calon-calon UPP bertanding sebagai calon terus BN dan memenangi kesemua empat kerusi yang ditandingi.

Bagaimanapun UPP tidak mempunyai anggota Parlimen manakala SUPP mempunyai wakil tunggal iaitu Datuk Seri Richard Riot, yang juga timbalan presiden parti dan Menteri Sumber Manusia. Presiden SUPP Datuk Dr Sim Kui Hian baru-baru ini mendakwa partinya sudah mendapat restu daripada kerajaan persekutuan untuk meletakkan calon di tujuh kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepada parti itu.

## ISU : SKIM INSURANS PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	25 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>MALAYSIA KINI</b> Kerajaan bentang semula RUU Skim Insurans Pekerjaan	<b>MENTERI KSM</b>

### AKHBAR : MALAYSIA KINI

#### Kerajaan bentang semula RUU Skim Insurans Pekerjaan

Kerajaan membentangkan semula Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 dengan menurunkan kadar caruman bulanan yang dicadangkan bagi pelan insurans pekerja. Kadar caruman dikurangkan daripada 0.5 peratus kepada 0.2 peratus. Rang undang-undang itu dibentangkan oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Sei Richard Riot Jaem dan dijangka diluluskan pada sidang Parlimen semasa, yang berlangsung sehingga 30 November. Kadar caruman yang disemak semula adalah berdasarkan kadar tetap dan antara lingkungan 10sen untuk pekerja yang memperolehi RM30 sebulan, kepada RM39.50 untuk pekerja yang memperoleh pendapatan RM4,000 dan ke atas sebulan.

Kadar caruman maksimum pada setiap bulan, mengikut Bahagian IV RUU itu ditetapkan pada kadar 30 sen dan RM59.30. Rang undang-undang yang disemak semula itu memperuntukkan empat jadual kadar caruman, berbanding tiga apabila ia pertama kali dibentangkan pada bulan Ogos lalu. Caruman kepada Skim Insurans Pekerjaan ini akan dibahagikan sama rata antara pekerja dengan majikan. Menteri boleh menyemak kadar caruman setiap tiga tahun dan lebih.

## ISU : KEMALANGAN TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	25 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>MALAYSIA KINI</b> BN Pulau Pinang: Polis tak sesuai siasat kejadian tanah runtuh	<b>JKKP</b>

### AKHBAR : MALAYSIA KINI

#### BN Pulau Pinang: Polis tak sesuai siasat kejadian tanah runtuh

Pengerusi BN Pulau Pinang, Teng Chang Yeow berkata pasukan polis tidak sesuai untuk menyiasat tragedi tanah runtuh yang berlaku di Tanjung Bungah pada Sabtu lepas. Teng berkata polis hanya boleh menyiasat punca kematian dan kecederaan akibat tanah runtuh tetapi bukan punca bencana itu sendiri. Katanya jabatan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan jabatan kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mungkin lebih cekap untuk menilai keadaan tapak dalam tragedi berkenaan. Oleh itu, katanya, tiada keperluan untuk membuat laporan polis mengenai kemungkinan berlaku kecuaiannya kerana kerajaan negeri bakal menubuhkan suruhanjaya siasatan bagi menyiasat insiden itu. Beliau yang juga bekas exco semasa pentadbiran Gerakan mempersoalkan mengapa MBPP gagal menubuhkan jawatankuasa teknikal. Teng berkata demikian bagi mengulas kenyataan exco kerajaan negeri Chow Kon Yeow semalam bahawa laporan polis telah dibuat atas "kemalangan tapak kerja" yang mengorbankan 11 nyawa pada 21 Oktober lalu.

## ISU : KEMALANGAN KE TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	25 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Nahas ngeri bas kilang berulang  <b>MALAYSIA GAZETTE</b> Kemalangan bas kilang: 7 warga Indonesia, 1 rakyat tempatan maut	<b>BOMBA PDRM</b>

### AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

#### Nahas ngeri bas kilang berulang

**PERMATANG PAUH** - Nahas ngeri membabitkan bas kilang di negeri ini berulang lagi kali ini meragut lapan nyawa pekerja wanita yang dalam perjalanan untuk memulakan syif pagi di dua buah kilang di Juru, hari ini. Kesemua mangsa masing-masing seorang rakyat tempatan dan tujuh warga Indonesia terbunuh selepas dua buah bas pekerja yang dinaiki mereka terlibat dalam kemalangan di Kilometer 147 Lebuhraya Utara Selatan arah utara, kira-kira pukul 5.30 pagi.

Dalam kejadian itu, bas membawa 15 pekerja kilang Plexus di Bayan Lepas di sini dikatakan merempuh belakang bas yang membawa pekerja warga Indonesia dan Nepal yang dalam perjalanan ke kilang Sony di Perai. Kejadian itu dipercayai berlaku apabila bas yang membawa 25 pekerja kilang Sony mengalami kerosakan serta mengeluarkan asap sebelum berhenti di lorong kiri lebuhraya. Bagaimanapun, bas kedua yang datang dari arah Parit Buntar, Perak tidak sempat mengelak lalu merempuh bahagian belakang sebelah kanan bas di hadapannya sehingga menyebabkan kedua-dua bas terbabas ke tengah jalan sebelum tersangkut di pembahagi jalan.

Kejadian itu turut mengakibatkan kesesakan jalan raya sepanjang lebih lima kilometer apabila laluan terhalang. Operasi menyelamatkan turut melibatkan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang mengeluarkan mangsa yang tersepit. Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, kedua-dua pemandu bas terbabit yang berusia 23 dan 37 tahun kini direman empat hari bagi membantu siasatan. Menurutnya, semakan mendapati pemandu berusia 23 tahun yang berasal dari Sungai Bakap itu mempunyai tiga rekod saman lampau berkaitan kesalahan tidak mematuhi isyarat lampu merah, tidak memakai tali pinggang keledar dan tiada lesen memandu manakala pemandu kedua bersih.

Tambah beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sementara itu, pihak Konsulat Jeneral Indonesia di Pulau Pinang sedang menguruskan pengebumian kesemua mangsa yang dipercayai akan dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing. Jelas Konsul Jeneralnya, Iwanshah Wibisono, pihaknya kini sedang mengesahkan keluarga kesemua mangsa yang terbunuh. "Pada masa sama, kami memantau keadaan mangsa-mangsa lain yang masih dirawat di Hospital Seberang Jaya, Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Sungai Bakap. Kami juga telah berhubung dengan majikan kesemua mangsa dan berusaha mendapatkan pampasan setimpal kepada mereka yang terlibat," ujarnya ketika ditemui di sini hari ini.

### AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

#### Kemalangan bas kilang: 7 warga Indonesia, 1 rakyat tempatan maut

**SEBERANG JAYA** – Lapan mangsa kemalangan maut membabitkan bas kilang di KM 147 Lebuhraya Utara Selatan dekat Plaza Tol Juru dipercayai terdiri dari tujuh warga Indonesia dan seorang warga tempatan. Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Nik Ros Azhan Abd Hamid berkata, warga Malaysia yang terkorban dikenalpasti sebagai Noriah Kasa, berusia 30-an, dari Parit Sungai Dungun, Parit Buntar. Manakala identiti mangsa warga Indonesia masih belum dikenalpasti, menurut Astro Awani. Terdahulu hari ini, kemalangan berlaku di hadapan Institut Teknikal Malaysia-

Jepun kira-kira jam 6 pagi apabila dua buah bas dan sebuah van kilang bertembung berhampiran Plaza Tol Juru. Ros Azhan berkata, seramai 44 penumpang bas dilaporkan cedera dengan sembilan daripadanya cedera parah. Tujuh lagi tidak mengalami sebarang kecederaan. Jelasnya, setakat ini polis telah menahan dua pemandu bas kilang terbabit untuk siasatan lanjut. Polis juga telah mengambil sampel air kencing dan darah kedua-dua pemandu untuk tindakan lanjut Kes disiasat mengikut Sek 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sementara itu, Jabatan Forensik di Hospital Seberang Jaya ketika ini dipenuhi ahli keluarga dan rakan mangsa yang terlibat.